

# Mat Sentol terima Anugerah Kehormat Permata Dunia

Oleh [Samadi Ahmad](#) - Disember 5, 2023 @ 1:02pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Mat Sentol tidak hadir terima anugerah kerana pergerakan terbatas disebabkan sudah berusia dan uzur yang memerlukan bantuan serta pemantauan setiap masa.

KUALA LUMPUR: Lagu ciptaan Mat Sentol menerusi filem lakonannya dinyanyikan selepas bintang legenda itu diumumkan sebagai penerima Anugerah Kehormat Permata Dunia sempena Majlis Konvokesyen Universiti Multimedia Ke-24 (MMU), Sabtu lalu.

Suasana majlis konvokesyen yang berlangsung di Dewan Tun Canselor (DTC) menjadi riuh rendah dengan sorakan serta tepukan gemuruh graduan sebaik nama Mat Sentol diumumkan.

Empat lagu yang pernah menjadi siulan peminat pada era 1960-an didendangkan tiga pelajar MMU terdiri daripada Muhammad Shahril Nizam, Amin Firdaus dan Sofea Emylda S Haron.

Nyanyian disampaikan sebagai tanda penghargaan atas jasa Mat Sentol yang terbabit dalam bidang seni hiburan.

Ia terdiri daripada lagu Aku Ingin Jadi Spy, Janda Muda, Dua Kali Lima Sepuloh dan Suka Sama Suka.

Pelawak dan pengarah veteran sejak era 1950-an, Mat Sentol atau nama sebenarnya, Abd Rasip Yahya, 90, cukup dikenali dengan beberapa watak filem seperti Mat Bond, Mat Raja Kapor, Mat Lanon, Mat Toyol, Mat Karong Guni dan Mat Magic yang dihasilkan tanpa skrip dan dibuat secara spontan dengan ideanya.

Anugerah disampaikan Profesor Canselor MMU, Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid kepada cucu Mat Sentol, Ain Akashah Rosarif, 26, yang hadir ditemani suami, Alif Najmi Hashim, 24 dan ibu, Zaity Arfah Yunos, 49.

Ain berkata, dia berbangga dengan anugerah diberikan kepada datuk kerana ia pengiktirafan sangat tinggi kepadanya sepanjang berada dalam dunia seni.

Katanya, sepatutnya bapa mewakili datuk menerima anugerah ini, namun tidak dapat hadir kerana tidak sihat.

Beliau berkata, dia terkejut apabila dihubungi bapa saudara, Roslee Rashid, 61, yang menjaga datuk dan menetap di Johor Bahru memintanya mewakili keluarga untuk menerima anugerah itu.

"Kami terharu, datuk sudah tak aktif dalam bidang seni kerana sudah berumur dan uzur, tapi masih ada pihak mengingatinya," katanya.



Ain menerima anugerah bagi pihak datuknya, Mat Sentol daripada Dr Zakri pada Majlis Konvokesyen Ke-24 MMU pada Sabtu lalu. - NSTP/Samadi Ahmad

Ain berkata, dia sangat teruja menghadiri majlis, lebih lagi lagu ciptaan datuknya dinyanyikan dengan baik oleh golongan muda sehingga menyentuh jiwa.

"Terima kasih MMU atas penganugerahan ini yang dapat dijadikan kenangan kepada ahli keluarga lain dalam mengenang usaha dan kegigihan datuk sepanjang terbabit dalam bidang seni.

"Datuk gembira apabila diberitahu menerima anugerah ini dan pergerakan juga terbatas disebabkan sudah berusia dan uzur yang memerlukan bantuan serta pemantauan setiap masa.

"Kali terakhir kami sekeluarga menziarahi datuk dua bulan lalu dan beliau tetap bertenaga dan masih berselera makan," katanya kepada BH Online.

Ain yang juga pernah berlakon dalam iklan, antaranya Tora dan Dendang Datang Lagi bersama datuknya ketika berusia 14 tahun, berkata, dia dan Mat Sentol sangat rapat serta sering bertukar pendapat mengenai seni dan kerjaya.

Katanya, datuk pernah memberi nasihat agar saya tidak menceburি bidang seni sekiranya muahu hidup senang.

Tambahnya, setakat ini, dia tidak nampak seorang cucu yang mengikut jejak langkah, malah memilih kerjaya sendiri yang diminati.

"Saya memandang tinggi kreativiti Mat Sentol dalam menghasilkan beberapa filem seperti Mat Bond dan Mat Magic ketika tiada teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) seperti hari ini," katanya.

Selain pernah dianugerahkan Bintang Legenda, anak kelahiran Muar itu juga pernah menjadi ahli kehormat Gabungan Industri Kandungan Kreatif Malaysia (CCIG) pada 2017.